

Melaka salur insentif kenaf dalam Bajet 2020

Tarikh kemaskini: 10/07/2019JASIN, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan menyalurkan insentif kenaf kepada pengusaha atau petani yang mengusahakan tanaman itu di negeri ini bermula tahun hadapan, kata Ketua Menteri Adly Zahri.

Beliau berkata inisiatif itu bertujuan menggalakkan lebih ramai petani untuk mengusahakan tanaman tersebut secara berkumpulan atau sendirian dalam usaha mengembangkan industri tersebut.

Setakat ini, tanaman tersebut telah diusahakan di tapak sawah padi melibatkan keluasan enam hektar di Kampung Sempang Pantai Merlimau di sini dan kerajaan negeri menyasarkan sekurang-kurangnya sebanyak lapan hektar tanah dapat diusahakan dalam tempoh dua tahun bermula tahun ini, katanya.

"Industri kenaf di Melaka dibangunkan oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan kerajaan negeri belum lagi mengeluarkan sebarang peruntukan namun kita akan berbincang dengan LKTN bagaimana peranan yang boleh dimainkan kerajaan negeri untuk membantu meningkatkan hasil kenaf.

"Di peringkat awal ini, kerajaan negeri bercadang memberikan insentif kenaf dan ia akan diperuntukkan dalam bajet negeri pada tahun hadapan," katanya kepada pemberita selepas Program Lawatan Santai ke Tapak Tanaman Kenaf di sini hari ini.

Lawatan itu turut disertai Timbalan Menteri Industri Utama Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin dan Ketua Pengarah LKTN Samsuddin Noor.

Adly berkata pihaknya juga telah mengenal pasti bangunan milik kerajaan negeri yang tidak digunakan di Kampung Sempang Pantai Merlimau di sini kepada LKTN untuk dijadikan kilang pemprosesan kenaf di negeri itu.

Beliau berkata pihaknya akan membantu memastikan rantaian lengkap atau fasiliti mencukupi dibangunkan bagi memastikan industri tanaman kenaf di negeri itu dapat diperluaskan.

Sementara itu, Adly berkata tanaman kenaf di Melaka bukan sahaja membantu mengurangkan isu tanah terbiar di negeri ini malah petani mampu meningkatkan pendapatan mereka sekiranya ia diusahakan secara serius.

Beliau berkata ini kerana tanaman tersebut mempunyai potensi besar dan permintaan yang tinggi terutama begi industri berasaskan biokomposit, perabot, pembinaan dan automotif.

"Petani juga tidak perlu risau tentang isu pemasaran sebaliknya hanya perlu fokus pada usaha penanaman kerana kerajaan negeri dan juga LKTN akan membantu," katanya.

-- BERNAMA